

Jadikan amaran PM sebagai ingatan terakhir

ALOR STAR 17 Okt. - Pergerakan Pemuda UMNO mahu semua pihak termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil amaran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung isu penguasaan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat sebagai peringatan terakhir.

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO, Datuk Reezal Marican Naina Marican menegaskan, tidak perlu lagi menunggu Perdana Menteri mengeluarkan amaran kedua untuk berhenti mempersoalkan isu ekuiti bumiputera.

"Parti-parti komponen perlu memahami semangat BN dan persoalan berhubung perkara itu tidak seharusnya dibuat kepada umum," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas amaran Abdullah kepada semua pihak supaya tidak membuat kacau dengan mempersoalkan penguasaan, ekuiti bumiputera.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara sepatutnya meminta penjelasan dengan baik dan bukan membuat tuduhan secara menyindir.

Kelmarin, Parti Gerakan mahu Unit Perancang Ekonomi (EPU) mendedahkan secara telus kaedah kajian yang merekodkan bahawa penguasaan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara hanya sebanyak 18.9 peratus.

Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, ini kerana ada sesuatu yang tidak kena dengan angka tersebut kerana tidak menampakkan sebarang peningkatan berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan.

Reezal Marican berkata, sebagai menteri dan pemimpin parti berpengalaman, Keng Yaik seharusnya menggunakan saluran Kabinet atau Dewan Tertinggi BN bagi menyuarakan rasa tidak puas hatinya terhadap sesuatu perkara.